



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 2 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MINISTRY THANKS PUBLIC FOR HELPING SEXUAL HARASSMENT VICTIM AT LRT STATION	

<https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/937541/ministry-ready-provide-counselling-lrt-harassment-victim-reminds-public>

NST.COM.MY

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/08/01/ministry-thanks-public-for-helping-sexual-harassment-victim-at-lrt-station/>

FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JKM PERKASA PROGRAM ILMIAH KESIHATAN MENTAL PELAJAR SEKOLAH – EXCO	

<https://www.melakahariini.my/jkm-perkasa-program-ilmiah-kesihatan-mental-pelajar-sekolah-exco/>

MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR, INISIATIF MENUJU KEJAYAAN PENDIDIKAN SELANGOR	

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-tuisyen-rakyat-selangor-inisiatif-menuju-kejayaan-pendidikan-selangor-430718>

ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	3,000 ANAK MUDA MERIAHKAN PROGRAM LEPAK GENG UTAGHA	

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/3000-anak-muda-meriahkan-program-lepak-geng-utagha/>

UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	'THINK QURAN' INISIATIF BANTU NAIKKAN TARAF EKONOMI WANITA	

<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/08/1134331/think-quran-inisiatif-bantu-naikkan-taraf-ekonomi-wanita>

BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WANITA MELECUR DIBAKAR SUAMI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/271303/berita/semasa/wanita-melecur-dibakar-suami	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-melecur-dibakar-suami-430737	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	WARGA EMAS RENTUNG, PUSAT JAGAAN ORANG TUA TERBAKAR	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/01/warga-emas-rentung-pusat-jagaan-orang-tua-terbakar/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=Yf5UdHegg2l	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/video/2023/08/wanita-warga-emas-ditemui-rentung-atas-katil/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/01/wanita-warga-emas-ditemui-rentung-atas-katil/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-pusat-jagaan-430690	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1134285/wanita-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-pusat-jagaan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/271270/berita/semasa/warga-emas-rentung-pusat-jagaan-terbakar	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2211865	BERNAMA.COM
	https://malysiagazette.com/2023/08/01/warga-emas-wanita-rentung-dalam-kebakaran-di-pusat-jagaan/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://selangorkini.my/2023/08/wanita-warga-emas-maut-kebakaran-di-pusat-jagaan-orang-tua/	SELANGORKINI.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994199/wanita-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-pusat-jagaan	HMETRO.COM.MY



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

2/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	TULAR VIDEO WANITA DIPUKUL DI TANGGA, BAPA BUAT LAPORAN POLIS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994229/tular-video-wanita-dipukul-di-tangga-bapa-buat-laporan-polis	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/271272/berita/semasa/polis-siasat-wanita-dipukul-beberapa-individu-di-tangga	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/polis-siasat-video-tular-babitkan-wanita-dipukul/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA TIDAK MEROKOK BERISIKO HIDAP KANSER PARU-PARU	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-tidak-merokok-berisiko-hidap-kanser-paruparu-430720	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/271341/berita/nasional/wanita-tidak-merokok-berisiko-hidap-kanser-paru-paru	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	SUNTING VIDEO SULTAN PERAK: POLIS RAKAM KETERANGAN WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/271313/berita/semasa/sunting-video-sultan-perak-polis-rakam-keterangan-wanita	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/keterangan-wanita-diambil-berhubung-penularan-video-titah-lama-sultan-perak/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	TIGA BERANAK BERLINDUNG DI RUMAH DAIF, USANG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/tiga-beranak-berlindung-di-rumah-daif-usang/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	WARGA EMAS, PELAJAR TINGKATAN 5 MAUT MOTOSIKAL BERTEMBUNG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/271282/berita/semasa/warga-emas-pelajar-tingkatan-5-maut-motosikal-bertembung	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/08/01/warga-emas-remaja-maut-motosikal-bertembung/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	388 PELAJAR B40 SERTAI PROGRAM SULUNG 2.0 UUM	
	https://malaysiagazette.com/2023/08/01/388-pelajar-b40-sertai-program-sulung-2-0-uum/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	YAPEIM LANCAR KLINIK DAN PERNIAGAAN MESIN LAYAN DIRI	
	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/yapeim-lancar-klinik-dan-perniagaan-mesin-layan-diri-430607	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	JPN MELAKA TERIMA 23 PERMOHONAN TUKAR NAMA BAYI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/271334/edisi/melaka-ns/jpn-melaka-terima-23-permohonan-tukar-nama-bayi	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/01/jpn-melaka-terima-lebih-20-kes-ubah-nama-bayi/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BOT PENUMPANG TERBALIK, KANAK-KANAK DIPERCAYAI LEMAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994514/bot-penumpang-terbalik-kanak-kanak-dipercayai-lemas	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	KANAK-KANAK MATI DISYAKI DIDERA: IBU, TEMAN LELAKI DIREMAN HINGGA AHAD	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994411/kanak-kanak-mati-disyaki-didera-ibu-teman-lelaki-direman-hingga-ahad	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-mati-disyaki-didera-ibu-teman-lelaki-direman-hingga-ahad-430772	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	REMAJA OKU 15 TAHUN RENTUNG DALAM KEBAKARAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994503/remaja-oku-15-tahun-rentung-dalam-kebakaran	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1134639/rumah-terbakar-remaja-oku-ditemukan-rentung	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/01/rumah-terbakar-remaja-oku-rentung-dalam-bilik/	KOSMO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/01/remaja-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-musnah-90/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/271409/berita/semasa/oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2212138	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/remaja-oku-15-tahun-rentung-dalam-kebakaran-rumah-LC11313811	THESUNDAILY.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	NENEK MAUT, 2 CUCU CEDERA TRITON LANGGAR TIANG LAMPU, PAPAN TANDA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/271342/berita/semasa/nenek-maut-2-cucu-cedera-triton-langgar-tiang-lampu-papan-tanda	SINARHARIAN.COM.MY



TAJUK : LELAKI DISYAKI PUKUL ISTERI SEHINGGA MATI DITAHAN

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki disyaki pukul isteri sehingga mati ditahan

Serdang: Lelaki yang disyaki memukul isterinya sehingga mati dalam kejadian di Kajang, bulan lalu, ditahan petang kelmarin, ketika menyembunyikan diri di Senai, Johor.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata dalam serbuan itu, polis turut merampas beberapa peralatan yang dipercayai ada kaitan dengan kes berkenaan.

"Suspek dipercayai cuba bersembunyi daripada pihak polis dengan melarikan diri ke Johor, namun hasil risikan, kita berjaya mengesan lokasi persembunyian," katanya pada sidang media selepas Majlis Perbarisan Ulang Tahun Polis Bantuan ke-7 Sime Darby Property Berhad di Padang Kawad Universiti Putra Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata, lelaki berusia 32 tahun itu direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh.

Dalam kejadian pada 23 Julai lalu, seorang wanita dipercayai mangsa kes pukul dilaporkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta di Kajang.

Polis menerima laporan berhubung kematian mangsa daripada seorang jururawat di hospital berkenaan, selepas menyedari wanita itu disyaki telah meninggal dunia dengan kesan kecederaan di badan.

17 laporan ajaran Si Hulk

Dalam perkembangan lain, Hussein berkata, setakat tahun ini, polis Selangor menerima sebanyak 17 laporan berhubung ajaran sesat Si Hulk.

"Siasatan mendapati pengikut ajaran sesat Si Hulk kini tidak lagi berada di Selangor, berkemungkinan telah ke luar negara," katanya.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor memutuskan fahaman serta ajaran diasaskan Suhaini Mohammad atau Si Hulk adalah sesat, menyeleweng dan bertentangan dengan akidah, syariah serta akhlak Islam kerana antara lain mendakwa Nabi Muhammad SAW ialah tuhan.

Media turut melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bekerjasama dengan polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk membanteras ajaran sesat itu.

BERNAMA



TAJUK :	POLIS AMBIL KETERANGAN WANITA MUAT NAIK TITAH SULTAN PERAK		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	02 OGOS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Polis ambil keterangan wanita muat naik titah Sultan Perak

Kuala Lumpur: Polis sudah merakamkan keterangan seorang wanita berhubung video tular yang disunting mengenai sebahagian kecil titah diraja oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Video berkenaan memuat naik sebahagian kecil titah Sultan Nazrin yang dizahirkan pada 19 Februari 2013, ketika baginda bertitah pada Majlis Wacana Perpaduan Ummah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertemakan 'Perpaduan Ummah: Harapan, Realiti dan Cabaran'.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata video yang disunting itu dilihat mengaitkan dan mengheret kedudukan baginda bagi tujuan politik kepartian.

"Setakat ini, sebanyak 24 laporan polis diterima di seluruh negara berhubung penulatan video berkenaan dan seorang wanita berusia lingkungan 46 tahun sudah dirakam percakapan di Balai Polis Cyberjaya, sekitar jam 2.30 petang semalam.

"Siasatan bersabit penulatan rakaman video Sultan Perak itu diolah seakan-akan menyokong sebuah parti politik," katanya.

Menerusi video itu, seorang individu dipercayai wanita yang juga pemimpin Muslimat PAS Melaka cuba mengetengahkan pandangan Sultan Nazrin terhadap PAS dalam klip video berkenaan.



TAJUK :	SISTEM PENARAFAN PUSAT JAGAAN ELAK TRAGEDI BABIT KANAK-KANAK		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	02 OGOS 2023	M/SURAT :	11
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Sistem penarafan pusat jagaan elak tragedi babit kanak-kanak



Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Oleh Dr Norlaile Salleh Hudin
bhrencana@bh.com.my

Kematian bayi enam bulan ketika dijaga pengasuh di Johor Bahru baru-baru ini terus mencebaskan kebimbangan masyarakat terhadap kualiti perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak hingga ada kecewa terhadap kualiti dan keselamatan sedangkan yuran penjagaan dikenakan mencecah ribuan ringgit.

Sebenarnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab untuk memantau kualiti dan keselamatan perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak.

Oleh itu, JKJ mewajibkan semua pusat jagaan untuk berdaftar di bawah peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 tetapi masih ada yang tidak berdaftar dengan agensi berkenaan, sekali gus menyebabkan kebanyakan kes penderaan kanak-kanak dan kecuaihan pengasuh berlaku di pusat jagaan tidak berdaftar.

Sememangnya, mekanisme kawalan kualiti perkhidmatan pusat jagaan dilaksanakan JKJ bukanlah mudah hingga ramai pengendali pusat jagaan enggan mendaftarkan perkhidmatan masing-masing kerana proses rumit membatalkan pelbagai agensi mengambil masa lama.

Tambahan pula, JKJ kekurangan pegawai pemeriksa menyebabkan pemeriksaan sukar dibuat ke atas pusat jagaan tidak berdaftar secara efektif. Tidak hairanlah, JKJ memerlukan kerjasama ibu bapa untuk membuat aduan terhadap operasi pusat jagaan tidak berdaftar supaya tindakan dapat diambil tetapi hal itu kurang diketahui.

Umumnya, ibu bapa sering bergantung kepada syor rakan-rakan dan ahli keluarga. Oleh itu, pilihan mereka terhad kepada perkhidmatan pernah digunakan sedangkan mereka mungkin mempu-

nyai keperluan berbeza. Bahkan, maklumat tersebut sukar disahkan kerana hanya berdasarkan pandangan peribadi.

Faktor ekonomi, masa bekerja dan jarak pusat jagaan dari rumah turut mempengaruhi ibu bapa memilih pusat jagaan tidak berdaftar.

Tidak mengambil Kursus Asuhan Permata

Pengasuh di pusat jagaan tidak berdaftar lazimnya tidak mengambil Kursus Asuhan Permata, iaitu kursus wajib melatih pengasuh mengenai nisbah bilangan pengasuh kepada kanak-kanak dijaga, diet dan nutrisi serta amalan persekitaran asuhan selamat.

“Sistem berorientasikan pasaran menggalakkan pusat jagaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan”

Kesannya, pusat jagaan tidak berdaftar boleh mendedahkan kanak-kanak kepada risiko keselamatan seperti tiada laluan kecemasan dan pengudaraan baik. Malah, pengasuh boleh terleka kerana menjaga terlalu ramai kanak-kanak dalam satu masa.

Oleh itu, satu sistem penarafan kualiti perkhidmatan dan carian pusat jagaan komprehensif, sistematik dan selaras Akta Pusat Jagaan 1993 wajar dibangunkan untuk membantu ibu bapa supaya boleh menyemak status pendaftaran, membaca ulasan pengguna dan menapis carian mengikut

kehendak masing-masing menggunakan sistem berkenaan.


Pengguna seharusnya boleh membuat ulasan terhadap perkhidmatan diterima secara berkala selain membuat bayaran yuran bulanan. Dengan itu, bebanan ditanggung JKJ boleh dikurangkan apabila terdapat alternatif untuk menyemak kualiti perkhidmatan pusat jagaan. Aduan yang diterima juga boleh membantu JKJ mengenal pasti dengan lebih pantas mana-mana pusat jagaan yang perlu diambil tindakan dengan segera.

Lebih menarik lagi sekiranya sistem itu membolehkan ibu bapa berinteraksi untuk mendapatkan maklumat lebih jelas. Umum sedia maklum, setiap kanak-kanak mempunyai keperluan berbeza terutama berkeperluan khas. Interaksi yang berkesan membantu ibu bapa membuat jangkaan lebih tepat berkenaan kompetensi pengasuh, keadaan sebenar pusat jagaan, aktiviti pembelajaran dan kurikulum yang digunakan dalam menentukan sama ada pusat jagaan tertentu sesuai dengan keperluan anak mereka.

Sistem berorientasikan pasaran menggalakkan pusat jagaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan contohnya dari aspek kelayakan pengasuh.

Cadangan ini boleh membantu mencegah kecuaihan pengasuh dan penderaan kanak-kanak di pusat jagaan dengan meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa terhadap kepentingan menyemak kualiti perkhidmatan pusat jagaan berasaskan data sahih.

JKM akan dapat memantapkan mekanisme kawalan kualiti pusat jagaan tanpa merombak akta yang sedang berkuat kuasa, manakala pengendali pusat jagaan akan lebih bermotivasi untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik dengan harga lebih kompetitif. Usaha membangunkan sistem ini dijangka dapat mengembangkan pusat jagaan kanak-kanak berkualiti tinggi dan menyelamatkan nyawa kanak-kanak.



TAJUK : SUAMI SIMBAH PETROL SEBELUM BAKAR ISTERI

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suami simbah petrol sebelum bakar isteri

Hasil semakan dapati suspek ada empat rekod jenayah lampau

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Seorang pekerja ladang disyaki menyimbah petrol lalu membakar isterinya kerana perselisihan faham membabitkan keluarga, di kawasan perumahan ladang kelapa sawit di Tasek Gelugor, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Mohd Asri Shafie, berkata kejadian kira-kira jam 9.30 malam itu menyebabkan mangsa berusia 35 tahun melecur hingga 27 peratus pada anggota badan.

Beliau berkata, pihaknya menerima panggilan daripada jiran mangsa pada jam 10.45 malam

berhubung kejadian itu sebelum anggota bergegas ke lokasi.

Suspek cuba padamkan api

Katanya, keempat-empat anak pasangan itu berusia antara 10 hingga 15 tahun berada di rumah ketika kejadian.

“Hasil siasatan mendapati anak lelaki mangsa berusia 13 tahun mendakwa mereka berada di dalam bilik sebelum terdengar pergaduhan antara ibu dengan bapa.

“Remaja itu cuba keluar untuk melihat apa yang berlaku, tetapi menyedari pintu bilik dikunci dari luar sebelum berjaya membukanya.

“Dia kemudian melihat ibunya berada di bahagian belakang luar rumah dalam keadaan badan terbakar, manakala suspek dikatakan cuba memadamkan api de-

ngan menggunakan kain,” katanya kepada media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Mohd Asri berkata, suspek berusia 36 tahun didakwa melarikan diri apabila menyedari api pada badan mangsa semakin merebak.

Beliau berkata, mangsa kemudian dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) dan didapati melecur 27 peratus pada anggota badan.

“Hasil semakan mendapati suspek ada empat rekod jenayah lampau, termasuk pernah mencederakan mangsa.

“Pasangan suami isteri itu adalah pekerja ladang dan usaha mengesan suspek giat dijalankan,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan.



Mohd Asri Shafie



TAJUK : 'DOKTOR GIGI' KENA DENDA RM200K

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Doktor gigi' kena denda **RM200k**

Wanita tawar khidmat pergigian tidak bertauliah didenda

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebagai undang bala apabila semakin ramai doktor palsu dikesan beroperasi di negara ini dan diheret ke mahkamah kerana membahayakan nyawa orang ramai.

Terbaharu seorang wanita dijatuhi hukuman denda RM200,000 selepas dikesan menawarkan khidmat doktor gigi tidak bertauliah secara haram.

Tertuduh, Wong Ci Jie, 34, dijatuhi hukuman itu oleh hakim Norina Zainol Abidin selepas pendakwaan dilakukan di Mahkamah Sesyen 12 di sini, Khamis lalu.

Jurucakap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkata, mengikut pertuduhan pertama, wanita terbabit dituduh mengikut seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 yang boleh dihukum mengikut seks-



WONG membayar denda RM200,000 kerana menjalankan khidmat pergigian secara haram.

yen 62(3) akta sama kerana menjalankan aktiviti sebagai doktor gigi tidak berdaftar.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melanggar seksyen 4(1) Akta 586 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 5(1)(a)(i) akta sama kerana menyediakan kli-

nik pergigian swasta tanpa didaftarkan dengan KKM.


Susulan itu tertuduh dihukum denda RM100,000 bagi setiap pertuduhan atau dipenjarakan selama tempoh 12 bulan jika gagal membayar denda bagi setiap pertuduhan.

Pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa KKM Dr Haznita Zainal Abidin. Tertuduh bagaimanapun membayar denda RM200,000 dikenakan itu.

"Berdasarkan fakta kes, sepasukan pegawai penguatkuasa pergigian dari Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Selangor dan Jabatan Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibantu anggota polis menyerbu kediaman milik wanita itu di Bukit Jalil di sini, pada 26 Julai 2022.

"Premis itu dikesan menyediakan kemudian klinik pergigian swasta tanpa didaftarkan dan dikendalikan individu tidak berkelayakan.

"Tertuduh gagal menunjukkan dokumen yang sah bagi membuktikan dia seorang pengamal pergigian berdaftar dan premis itu klinik pergigian swasta yang berdaftar dengan KKM," katanya.



TAJUK : BAPA MANGSA BUAT LAPORAN POLIS

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KES PUKUL REMAJA PEREMPUAN

Bapa mangsa buat laporan polis

Georgetown: Polis menerima laporan daripada seorang lelaki pada Ahad lalu mendakwa wanita yang dipukul dalam satu video tular sejak beberapa hari lalu adalah anak perempuannya.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong berkata, terdahulu, lelaki itu mendakwa anaknya sudah keluar dari kawasan Georgetown sejak Disember 2022 berikutan masalah keluarga.

Katanya, sejak itu mangsa yang berusia 24 tahun tidak pulang ke rumah dan tidak dapat dihubungi keluarga.

"Sehingga kini, tidak dapat dipastikan kedudukan atau lokasi keberadaan wanita itu. "Kes disiasat mengikut

Seksyen 147 Kanun Keseksan atas kesalahan merusuh dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.


Sehubungan itu, Soffian berkata, orang ramai dinasihatkan supaya tidak menularkan rakaman video berkenaan bagi mengelakkan sebarang spekulasi.

"Orang awam yang mempunyai maklumat berhubung kejadian diminta tampil ke balai polis berhampiran bagi membantu siasatan," katanya lagi.

Terdahulu, video berdurasi lima minit dan 31 minit memaparkan wanita terabit dipukul berkali-kali di kawasan tangga bangunan.



TANGKAP layar video tular seorang wanita dipukul di tangga.



TAJUK : LELAKI BAKAR ISTERI ANGKARA SALAH FAHAM

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki bakar isteri angkara salah faham

Georgetown: Hanya kerana berselisih faham, seorang suami tergamak membakar isterinya menggunakan petrol dalam kejadian di kawasan perumahan ladang kelapa sawit di Tasek Gelugor di sini, kelmarin.

Akibatnya, mangsa berusia 35 tahun melecur 27 peratus pada anggota badan dalam kejadian jam 9.30 malam itu.


Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Mohd Asri Shafie berkata, terdahulu, pihaknya menerima pang-

gilan daripada jiran mangsa pada 10.45 malam.

Katanya, ketika kejadian keempat-empat anak mereka berusia antara 10 hingga 15 tahun berada di rumah.

“Anak lelaki mangsa berusia 13 tahun mendakwa mereka berada dalam bilik sebelum mendengar ibu bapanya bergaduh.

“Remaja itu cuba keluar bagi melihat perkara sebenar namun pintu bilik dikunci dari luar dan cuba menarik pintu serta berjaya membukanya,” katanya.



TAJUK : SUSPEK DERA ISTERI HINGGA MATI DIREMAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suspek dera isteri hingga mati direman

Serdang: Seorang lelaki yang disyaki mendera isterinya sehingga maut di Sungai Long, di Kajang pada 23 Julai lalu, direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, suspek berusia 32 tahun itu ditahan kelmarin dalam usahanya menyembunyikan diri daripada pihak polis.

“Hasil risikan dilakukan, kami mendapat maklumat bahawa suspek berada di Johor sebelum serbuan dibuat bagi menahan lelaki berkenaan.

“Susulan itu, kami juga membuat beberapa siri ser-

buan termasuk merampas barang kes yang dipercayai mempunyai kaitan dalam kes ini,” katanya.

Sebelum ini, seorang wanita, Azween Noor Alias, 39, dilaporkan meninggal dunia di sebuah hospital swasta dekat Kajang, dipercayai akibat didera suaminya pada 23 Julai lalu.

Wanita berusia 39 tahun terbabit dihantar ke pusat perubatan berkenaan dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Mangsa dihantar oleh suaminya dan sebaik mendapat tahu isterinya disahkan sudah meninggal dunia, dia terus menghilangkan diri.



TAJUK : WANITA RUGI RM1.06 JUTA DITIPU KEKASIH MAYA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Sibu: Perkenalan seorang kerani wanita dengan kekasih maya akhirnya menjerat mangsa apabila mengalami kerugian berjumlah RM1.06 juta selepas terperangkap dengan sindiket *Love Scam*.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mancha Ata berkata, mangsa 50-an sebelum itu berkenalan dengan lelaki dikenali sebagai Thomas Yeng Leong melalui Facebook pada pertengahan tahun lalu.

Menurutnya, mereka

Wanita rugi RM1.06 juta ditipu kekasih maya

menjalinkan hubungan cinta serta mangsa berhubung dengan suspek yang mendakwa bekerja sebagai jurutera di London melalui WhatsApp.

"Suspek kemudian meminta bantuan mangsa membuat pembayaran bagi pembelian bahan kimia un-

tuk pekerjaannya.

"Mangsa melakukan 25 transaksi pemindahan wang berjumlah RM395,000 ke lima akaun bank berlainan pada awal Ogos 2022 sehingga penghujung September 2022," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pada Sep-

tember lalu, suspek berjanji datang ke Malaysia namun beberapa hari kemudian mangsa dihubungi pihak kastam mengatakan suspek ditahan di Thailand kerana membawa wang tunai melebihi had ditetapkan dan bayaran denda dikenakan untuk membebaskan suspek.

Menurutnya, mangsa kemudian melakukan tiga

transaksi pemindahan wang berjumlah lebih RM255,000 ke tiga akaun bank berlainan pada penghujung September 2022 sehingga awal Oktober 2022.

Selain itu, katanya, mangsa turut melakukan 36 transaksi pemindahan wang berjumlah RM414,000 ke 16 akaun bank berlainan pada awal Mei lalu sehingga penghujung Julai lalu.

"Kesemuanya dilakukan bagi tujuan pembelian barang kerja suspek, urusan datang ke Malaysia, urusan kecemasan dan banyak lagi.

"Bagaimanapun, mangsa mula menyedari ditipu apabila suspek masih meminta mangsa membuat pembayaran atas pelbagai alasan, tetapi wanita itu masih gagal berjumpa dengan suspek," katanya.

Katanya, berikutan itu mangsa tampil membuat laporan polis, kelmarin dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

“Mangsa sedar ditipu apabila suspek masih minta mangsa buat pembayaran”
Mancha



TAJUK : WARGA EMAS RENTUNG DITEMUI DALAM BILIK

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas rentung ditemui dalam bilik

Petaling Jaya: Seorang warga emas berusia 69 tahun rentung dalam kebakaran di sebuah pusat jagaan orang tua di Jalan 5/31, Seksyen 5 di sini, kelmarin.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Wan Mad Razali Wan Ismail berkata, sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Petaling Jaya dikerah ke lokasi sejurus menerima panggilan pada jam 12.13 malam.

“Seramai 14 anggota dan pegawai bersama dua jentera da-


ri BBP Petaling Jaya ber-gegas ke lokasi kejadian.

“Ketika kejadian, terdapat 14 penghuni termasuk penjaga bertindak menyelamatkan diri tanpa mengalami kecederaan.

“Bagaimanapun seorang wanita tempatan berusia 69 tahun ditemukan rentung di atas katil dalam sebuah bilik di kediaman itu,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, api berjaya dipadamkan orang awam sebelum ketibaan pasukan penyelamat.

Ketika kejadian, terdapat 14 penghuni termasuk penjaga



TAJUK : HUNT FOR MAN WHO TORCHED WIFE AT HOME

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

HUNT FOR MAN WHO TORCHED WIFE AT HOME

Son saw dad trying
to put out flames
and later fleeing
into oil palm estate

AUDREY DERMAWAN
TASEK GELUGOR
audreymd@nst.com.my

POLICE are on the hunt for a man who allegedly set his wife on fire at a house on an oil palm estate here on Monday.

It was learned that the couple's 13-year-old son, who was inside his room, heard a fight between his parents outside. He tried to leave the room, but the door was locked from the outside.

When he managed to come out, he saw that his mother was on fire at the back of the house, and his father was trying to put out the flames. When the flames became intense, the father fled.

The son took water from the bathroom to put out the flames before asking the neighbours for help.

Seberang Prai Utara district police chief Assistant Commissioner Mohd Asri Shafie said at 10.45pm on Monday, police received information about a man

who had allegedly set his wife on fire using petrol at the house.

He said a police team was deployed to the scene.

They found that the victim had been taken by ambulance to Kepala Batas Hospital for treatment.

"Investigations at the crime scene led to the recovery of several exhibits. The 36-year-old suspect, who has four previous convictions, had fled into the oil palm estate.

"We are tracking him down with the help of the K9 unit," he said here yesterday.


Asri said an investigation had been opened under Section 326 of the Penal Code for voluntarily causing grievous harm by dangerous weapons or means.

He urged those with information about the incident to contact senior Criminal Investigation Department officer Assistant Superintendent Norhaslinda Rahmat at 012-3811416, the district operations room at 04-5759122 or the nearest police station.

He said the victim sustained second- to third-degree burn injury.

It is learned that the couple has been married for nearly 15 years and has four children.

They both work on the oil palm estate and live in a house provided by their employer.



TAJUK :	LAWYERS OF COUPLE SENTENCED TO DEATH FOR 2020 MURDER OF WOMAN TO FILE APPEAL		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	02 OGOS 2023	M/SURAT :	05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Lawyers of couple sentenced to death for 2020 murder of woman to file appeal

SIBU: Lawyers representing the Klang Valley couple who was sentenced to death by the High Court here Monday for murdering a 38-year-old woman in 2020 will file an appeal against decision.

Speaking to The Borneo Post yesterday, lawyer Yap Hoi Liong said there was 'no irresistible evidence' at the end of the defence case pointing the death of the deceased to the two accused.

He said in his and fellow counsel Jacob Wong's opinion, the points of the facts and law had raised serious reasonable doubts in the prosecution's case.

"These points of facts and law

form an important part of the appeal against the decision of the High Court," he said.


On Monday, High Court judge Datuk Christopher Chin sentenced Seow Pei Chie, 41, from Subang Jaya Selangor and her husband Cheung Chia Ming, 41, from Jalan Tun Sambathan, Kuala Lumpur to death after finding the couple guilty of killing Heng Heow Lin.

The body of the deceased was found in suitcase dumped by the roadside. Yap is Seow's counsel while Wong is Cheung's.

Justice Chin in delivering his verdict said the defence had failed to raise reasonable doubt against the prosecution's case.



Yap opines that the points of the facts and law have raised serious reasonable doubts in the prosecution's case.



TAJUK : MAN WHO THREATENED TO HARM WOMAN FINED RM2,000

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man who threatened to harm woman fined RM2,000

KUCHING: A magistrates' court here yesterday fined a 37-year-old man RM2,000 in default three months in jail for threatening to cause harm to a woman in April last year.

Magistrate Mason Jaro Lenya Barayan meted out the fine after Bazlan Mahmud pleaded guilty to a charge of committing criminal intimidation against the 54-year-old victim.

The charge was framed under Section 506 of the Penal Code which provides for imprisonment of up to two years or a fine, or both, upon conviction.

Bazlan committed the offence in front of a stall at Medan Niaga Satok here at around 4.34pm on April 21, 2022. The incident was captured on a closed-circuit television (CCTV) in the area.

Based on the facts of the case, the accused approached the victim and verbally threatened to harm her for allegedly accusing his mother of spreading false information in a WhatsApp group.

The case was prosecuted by Insp Merylene Lindan Andrew Mang, while Bazlan was unrepresented.



TAJUK :	MAN SET WIFE ON FIRE DURING QUARREL		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	02 OGOS 2023	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man sets wife on fire during quarrel

KEPALA BATAS: A woman suffered third degree burns after she was allegedly doused with petrol and set on fire by her husband following a quarrel at their home in an oil palm plantation in Tasek Gelugor.

North Seberang Perai district police chief Asst Comm Mohd Asri Shafie said the victim's neighbour alerted police to the incident at 10.45pm on Monday and a team was sent to the location.

However, he said the 35-year-old victim had already been sent to Hospital Kepala Batas by then.


"According to the couple's 13-year-old son, his parents started quarrelling at about 9.30pm, while he and his siblings were locked from the outside in their room.

"When he managed to break out, he saw his mother being set alight behind their house," he said yesterday, Bernama reported.

ACP Mohd Asri said the victim's son sought help from neighbours, who contacted the police and called for an ambulance.

He said a bottle of petrol and a lighter were among the evidence found at the scene.

"We are looking for the victim's 36-year-old husband," he said.



TAJUK : **CHILDCARE EMPLOYEE CHARGED WITH SEX ABUSE INVOLVING 91 YOUNG GIRLS**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **THE SUN DAILY**

TARIKH : **02 OGOS 2023**

M/SURAT : **07**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Childcare employee charged with sex abuse involving 91 young girls

CANBERRA: An Australian childcare worker sexually abused 91 young girls over 15 years, police said yesterday, accusing him of documenting his "unfathomable" alleged crimes in thousands of photos and videos.

Seasoned detectives have described it as one of Australia's "most horrific" child sex abuse cases, calling it "beyond the realms of anyone's imagination".

"I know this news will seem unfathomable, and I know there will

be many questions," said assistant federal police commissioner Justine Gough.

"There is not much solace I can give to the parents and children who have been identified."

Included within the 1,623 charges are 136 counts of rape, 110 counts of sexual intercourse with a child younger than 10 - a charge used instead of rape in some Australian jurisdictions - and 613 counts of making child pornography.

Investigators had been hunting for the 45-year-old man since discovering a cache of child pornography shared on the dark web in 2014.

But their efforts had been mostly fruitless until they made an unexpected breakthrough in August last year - matching visual clues in the background of the images to a childcare centre in the city of Brisbane.

While the man was initially charged with just three offences, Gough said the gravity of his

"heinous" alleged crimes emerged as police sifted further through his computer, phone and hard drive.

Police believe the man filmed or took pictures of "all" his alleged crimes - and eventually catalogued more than 4,000 photos and videos of abuse.

Police said the abuse happened at 10 different childcare centres between 2007 and last year and exclusively targeted "prepubescent girls" - some as young as one year old.

Investigators painstakingly combed through the images to identify 87 of the 91 victims, who were from the Australian states of Queensland and New South Wales.

The remaining four unidentified children were abused while the man worked overseas for a brief spell between 2013 and 2014.

Police said they are working with international crime agencies to find those children, without revealing which country they are targeting. - AFP



TAJUK : LUNG CANCER RISK FOR NON-SMOKING WOMEN

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lung cancer risk for non-smoking women

○ Second-hand smoke, pollution and genetic susceptibility among main danger factors

KUALA LUMPUR: Women who do not smoke may also be at risk of lung cancer, although the majority of cases still involve male smokers. However, the number of cancer-stricken non-smokers, who are mostly women, continues to rise.

Cardiothoracic surgeon Dr Anand Sachithanandan (pic) said the finding was based on his clinical experience, during which he noticed 25% to 30% of his lung cancer patients were non-smoking women.

"From 2012 until 2016, there were 7,686 cases in men with an age-standardised incidence rate (ASR) of 13.2 per 100,000 of the population. For the same period, there were 3,570 cases with an ASR of 5.9 per 100,000 in women."

He said lung cancer is the most common cause of cancer death in men and second most fatal cancer in women, and air pollution and second-hand smoke exposure are the culprits, combined with a genetic predisposition.

"Air pollution and exposure to second-hand smoke are thought to create an

inflammatory process mediated by chemical messengers called 'interleukins' that activate dormant driver mutations or pre-existing cancer-causing genes like the epidermal growth factor receptor mutation in some vulnerable individuals.

"Also, having a family history of lung cancer is a significant risk factor."

Anand, who is also founding president of Lung Cancer Network Malaysia, added that tobacco smoking remains the most common and preventable risk factor for lung cancer and there is growing evidence that vaping significantly increases the risk of taking up cigarette smoking due to nicotine addiction.

"Chronic lung diseases can also cause inflammation and scarring of the lung and cancer could arise from that scar tissue decades later.

"We do not know the long-term effects of scarring from a severe Covid-19 lung infection. Less common is exposure to radon gas or asbestos."

He said the usual symptoms that people should look out for as an indicator of possible lung cancer include recurrent chest infections, persistent cough, difficulty breathing, coughing up blood (haemoptysis), chest wall or back pain and unexplained weight loss. Less common symptoms include shoulder pain or a droopy eyelid.



"All these symptoms depend on the size and location of the tumour. Symptoms like back, chest or bone pain, unexplained weight loss or difficulty breathing are indicative of more advanced lung cancer," he said.

In conjunction with World Lung Cancer Day yesterday, Anand said screening is essential to detect early stage lung cancer, which can be

successfully treated with curative surgery and sometimes with varying combinations of immunotherapy, targeted therapy, chemotherapy and radiotherapy.

"The gold standard of screening is low-dose computed tomography (LDCT), which is painless, accurate and (involves) a single breath test without needles."

He said artificial intelligence (AI) is currently being explored to improve diagnostic accuracy and may become a useful triage option.

It is being used for simple chest X-rays as it is much cheaper, making it more accessible, and many practitioners adopt it as a pre-screening application, Bernama reported.

"If the AI software detects some abnormality in the lung, the person can be quickly referred to a specialist at a private or government hospital for an LDCT.

"So, it is one earlier step and we hope to identify traditionally neglected populations of women and non-smokers with cancer."



TAJUK : LELAKI DIDENDA RM2,000 KERANA MENGUGUT SEORANG WANITA

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki didenda RM2,000 kerana mengugut seorang wanita

KUCHING:Padahmengugut peniaga wanita gara-gara tidak berpuas hati dengan perbualan dalam kumpulan WhatsApp, seorang peniaga lelaki dijatuhi hukuman denda RM2,000 atau tiga bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Bazlan Mahmud, 37, mengaku bersalah sebaik didakwa di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan ugutan jenayah dengan sengaja hendak menakutkan mangsa wanita berusia 54 tahun dalam satu kejadian sekitar jam 4.34 petang pada 21 April 2022, di hadapan sebuah gerai di Medan Niaga Satok di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa pada waktu kejadian didatangi dan dimarahi tertuduh di hadapan

kedainya, sebelum tertuduh mengeluarkan kata-kata ugutan berbunyi 'kelak aku pecah muka kau sia'.

Mangsa yang bimbangakan keselamatan diri seterusnya membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Hasil siasatan mendapati kejadian ugutan tersebut telah dirakam menerusi rakam kameralitartertutup (CCTV) di dalam kedai milik mangsa, malah CCTV tersebut turut merakam suara tertuduh.

Difahamkan, punca kejadian adalah kerana tertuduh dikatakan tidak berpuas hati dengan mangsa yang menyatakan bahawa ibu tertuduh telah mengeluarkan kata-kata fitnah tidak baik dalam kumpulan WhatsApp dan mangsa tidak memberikan bukti berhubung kejadian itu.

Tertuduh tidak diwakili peguam sementara pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang.



TAJUK :	PASANGAN DIJATUHI HUKUMAN MATI DALAM KES BUNUH WANITA AKAN FAIL RAYUAN		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	02 OGOS 2023	M/SURAT :	05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Pasangan dijatuhi hukuman mati dalam kes bunuh wanita akan fail rayuan

SIBU: Peguam bela pasangan yang dijatuhi hukuman mati kelmarin atas tuduhan membunuh seorang wanita berusia 38 tahun pada 2020, akan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Seow Pei Chie, 41, dari Subang Jaya, Selangor dan suaminya Cheung Chia Ming, 41, dari Jalan Tun Sambathan, Kuala Lumpur dijatuhkan hukuman mati selepas Mahkamah Tinggi mendapati mereka bersalah membunuh Heng Heow Lin, 38.

Mayat si mati ditemui dalam beg pakaian yang dibuang di tepi jalan. Seow diwakili peguam bela Yap Hoi Liong manakala Cheung diwakili Jacob Wong.

Yap berkata, pada akhir kes pembelaan tiada bukti yang tidak dapat disangkal menunjukkan kematian si

mati disebabkan oleh kedua-dua tertuduh.

Beliau berkata, perkara berkaitan fakta dan undang-undang pada pendapat mereka telah menimbulkan keraguan munasabah yang serius dalam kes pendakwaan.

"Fakta dan undang-undang itu membentuk bahagian penting dalam rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi," ujar Yap kepada pemberita semalam.

Perkara pertama yang dibangkitkan ialah tuala merah yang didakwa digunakan Seow untuk mencekik si mati sehingga mati.

Beliau berkata, walaupun mempunyai kesan DNA darah lelaki tidak dikenali, pihak forensik tidak menemui sebarang profil DNA si mati serta kedua-dua tertuduh pada tuala merah itu.

Perkara kedua ialah mengenai keputusan mahkamah

yang memutuskan bahawa terdapat serangan ke atas kepala si mati oleh Seow.

Serangan berlaku dengan menghentak kepala ke dinding di bilik di Jalan Tong Sang yang diduduki si mati.

"Pihak forensik bagaimanapun tidak mengesan sebarang kesan darah atau DNA pada dinding serta lantai bilik menunjukkan kepala si mati menghentak dinding.

"Luka akibat serangan ke atas si mati tidak ditemui oleh pakar patologi di mana pakar patologi telah mengesahkan dalam Soal Jawab 1249 (semasa pendengaran).

"Pakar patologi mengesahkan tiada luka tetakan, kelar, hiris atau tikaman ditemui daripada pemeriksaan luar mayat," katanya sambil menambah, perkara ketiga yang dipersoalkan ialah dakwaan menggunakan beg

bagasi untuk membuang mayat si mati.

Yap berkata, ahli kimia tidak menemui sebarang kesan DNA kedua-dua tertuduh pada bagasi itu untuk menunjukkan tertuduh sebenarnya mengendalikan beg bagasi itu.

"Didakwa tertuduh menggunakan Proton Iswara mereka untuk membuang mayat tetapi pihak forensik tidak dapat menemui sebarang kesan DNA atau bukti lain yang menunjukkan mayat yang dimasukkan ke dalam beg bagasi itu sebenarnya diangkut oleh kereta itu," jelasnya.

Perkara keempat ialah mengenai motif untuk membunuh sehingga mengakibatkan kematian itu.

Beliau berkata, sebelum penahanan kedua-dua tertuduh Seow telah membuat laporan polis yang menyatakan

si mati berhutang sebanyak RM800.

Bagaimanapun, semasa perbicaraan, pegawai penyiasat mengesahkan bahawa seseorang tidak akan membunuh seseorang hanya kerana RM800, justeru motifnya diragui.

Perkara kelima ialah dakwaan meracuni si mati menggunakan 'racun ular'.

Beliau berkata, tiada toksik ditemui di dalam mulut, perut dan pakaian serta coli si mati yang dihantar untuk analisis.

Perkara keenam katanya, ialah sebelum kematian si mati, si mati kerap mendapat bantuan daripada Seow untuk membawanya dari Jalan RTM ke Jalan Tong Sang untuk melakukan aktiviti pelancaran.

"Disebabkan mangsa ada sedikit hubungan dengan pelanggannya, maka amat

diragui bagaimana kesan darah pada kertas simen itu ditemui atau berlaku," katanya.

Perkara seterusnya ialah mengenai kenyataan tertuduh yang menunjuk antara satu samalain berhubung kesalahan atau kematian si mati.

Beliau berkata, hanya keterangan lisan pegawai penyiasat yang mendakwa kenyataan itu diambil daripada kenyataan Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

"Bagaimanapun, pihak pendakwaan tidak pernah mengemukakan kenyataan sedemikian dalam perbicaraan untuk menunjukkan bahawa tertuduh sebenarnya memberi kenyataan sedemikian kepada polis semasa dalam tahanan polis.

"Jika tidak, ia akan menjadi keterangan khabar angin dan tambahan pula kenyataan yang direkodkan di bawah

Seksyen 112 CPC tidak boleh diterima," katanya.

Sementara itu, pasangan itu didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman mati atau penjara selama tempoh tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun, dan jika tidak dijatuhkan hukuman mati, hendaklah dihukum sebat tidak kurang daripada 12 sebatan jika sabit kesalahan.

Hakim Datuk Christopher Chin kelmarin mendapati pasangan itu bersalah seperti didakwa kerana pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Pendakwaan diketuai oleh Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto.



TAJUK :	WANITA TIDAK MEROKOK BERISIKO HIDAP KANSER PARU-PARU		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	02 OGOS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Wanita tidak merokok berisiko hidap kanser paru-paru

KUALA LUMPUR: Wanita yang tidak merokok mungkin berisiko mendapat kanser paru-paru, kata pakar bedah kardiotoraks Pusat Perubatan Sunway, Bandar Sunway Dr Anand Sachithanandan.

Beliau berkata majoriti kes masih melibatkan perokok lelaki, namun bilangan bukan perokok yang kebanyakannya wanita, terus meningkat.

“Dari 2012 hingga 2016, terdapat 7,686 kes dalam

kalangan lelaki dengan kadar piawai umur (ASR) 13.2 bagi setiap 100,000 penduduk. Bagi tempoh sama, sebanyak 3,570 kes direkodkan dengan ASR 5.9 bagi setiap 100,000 penduduk dalam kalangan wanita,” katanya kepada Bernama di pusat perubatan itu di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, kanser paru-paru merupakan punca kematian paling lazim dalam kalangan lelaki dan pembunuh kedua bagi wanita, serta pencemaran udara dan

pendedahan kepada asap rokok sekunder adalah antara penyebabnya, ditambah dengan kecenderungan genetik.

“Pencemaran udara dan pendedahan kepada asap rokok sekunder dipercayai mewujudkan proses keradangan melalui pengutus kimia dipanggil interleukins yang mengaktifkan mutasi pemacu dorman atau gen penyebab kanser sedia ada seperti mutasi ‘epidermal growth factor receptor’


(EGFR) pada sesetengah individu yang mudah terdedah, juga, mempunyai sejarah keluarga menghidap kanser paru-paru merupakan faktor risiko yang ketara,” katanya.

Bagaimanapun, Dr Anand berkata, pengambilan tembakau masih menjadi faktor risiko paling lazim dan boleh dicegah bagi kanser paru-paru dan terdapat bukti bahawa menghisap vape meningkatkan risiko merokok dengan ketara

akibat ketagihan nikotin.

“Penyakit paru-paru kronik juga menyebabkan keradangan dan parut pada paru-paru dan kanser boleh timbul daripada tisu parut itu beberapa dekad kemudian.

“Kita tidak tahu kesan jangka panjang parut disebabkan jangkitan COVID-19 yang teruk pada paru-paru. Jarang berlaku, ia mungkin juga disebabkan pendedahan oleh gas radon dan asbestos,” katanya. — Bernama



TAJUK : WARGA EMAS MAUT KEMALANGAN DI MUKAH

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 02 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas maut kemalangan di Mukah

MUKAH: Seorang penunggang motosikal warga emas maut apabila terlibat dalam kemalangan di Kilometer (KM) 5, Jalan Mukah-Oya semalam.

Menurut Ketua Polis Daerah Mukah DSP Muhamad Rizal Alias, mangsa dikenali sebagai Buang Mohamad, 69, pada mulanya menunggang motosikal dari Judan menuju ke Mukah.

“Setibanya di KM5, mangsa hilang kawalan ke atas kenderaannya lalu terbabas

ke tepi jalan,” katanya kepada Utusan Borneo.

Akibat kemalangan sekitar jam 6 pagi itu, mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pihak perubatan Hospital Mukah.

Mangsa juga dikatakan mengalami kecederaan pada bahagian mulut dan hidung.

Mayat mangsa kemudian dibawa ke Hospital Mukah untuk tindakan selanjutnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.